



25 NOV, 2024

Sorok kosmetik seludup lebih RM24,000 dalam stor

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Sorok kosmetik seludup lebih RM24,000 dalam stor

Dibawa masuk dari Thailand guna bot melalui pangkalan haram

Oleh **ASWANY OMAR**
KOTA BHARU

Tindakan penyeludup membawa masuk kosmetik ke negara ini dan menyimpannya di dalam stor sebelum dijual terbongkar selepas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) melakukan serbuan di sebuah pangkalan haram di Tumpat.

Aktiviti itu berjaya ditumpaskan oleh pasukan JKDM dengan merampas kosmetik dianggarkan bernilai RM24,417.50 dengan nilai cukai RM1,235.85.

Pengarah Kastam Kelantan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, rampasan pada 6 November lalu itu di-



Antara produk kosmetik yang dirampas di Tumpat pada minggu lalu.

lakukan sekitar jam 2.30 petang oleh Pasukan Marin Kastam ketika kosmetik berkenaan dibawa masuk dari negara jiran.

"Sebelum itu sepasukan pegawai dan anggota Kastam melakukan intipan dan serbuan di Pengkalan Haram Haji Rashid Kebun, Pengkalan Kubor yang dijadikan lokasi pemungghahan kosmetik ini.

"Kosmetik dari negara jiran ini dibawa masuk menggunakan bot melalui pangkalan haram sebelum disimpan di stor untuk dijual di pasaran tempatan," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Jelasnya, pengimportan kosmetik dibenarkan dengan syarat mempunyai permit daripada Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia.



25 NOV, 2024

Sorok kosmetik seludup lebih RM24,000 dalam stor

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Dibawa masuk dari Thailand guna bot melalui pangkalan haram

Tindakan penyeludup membawa masuk kosmetik ke negara ini dan menyimpannya di dalam stor sebelum dijual terbongkar selepas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) melakukan serbuan di sebuah pangkalan haram di Tumpat. Aktiviti itu berjaya ditumpaskan oleh pasukan JKDM dengan merampas kosmetik dianggarkan bernilai RM24,417.50 dengan nilai cukai RM1,235.85. Pengarah Kastam Kelantan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, rampasan pada 6 November lalu itu dilakukan sekitar jam 2.